

SOALAN NO: 112

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR]  
TARIKH :  
SOALAN : 112**

**YB Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pemantauan terhadap penjualan ubat-ubatan secara atas talian yang diragui daripada aspek keselamatan dan kualitinya serta kes yang dirujuk akibat daripada pengambilan ubat secara atas talian ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di ibu pejabat dan Cawangan Penguatkuasa Farmasi di negeri-negeri telah mula memantau laman web dan media sosial yang menjual secara aktif dan mengiklankan produk farmaseutikal semenjak tahun 2014 lagi memandangkan penjualan dalam talian merupakan satu trend pada masa kini.

Satu "task force" juga telah ditubuhkan untuk membuat 'Internet-activity analysis' termasuk memantau dan menyiasat aktiviti penjualan produk farmaseutikal di alam maya. Semenjak tahun 2014 ini, pasukan ini telah memantau dan menyiasat sebanyak 658 laman web dan media sosial. Bilangan pemantauan ini telah meningkat kepada 683 pada tahun 2015.

Pada tahun 2016, sebanyak 814 laman sesawang dan media sosial dipantau, disiasat dan diambil tindakan. Sehingga Oktober 2017, sebanyak 468 aktiviti risikan serta 300 aktiviti saringan laman web dan media sosial telah dijalankan dan hasilnya, sebanyak 500 laman web serta media sosial telah disekat dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Laman web yang telah dikenalpasti dan disiasat akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Facebook dan Google untuk tujuan sekatan. Sehingga kini, sebanyak 920 laman sesawang dan akaun media sosial di Facebook dan Instagram telah dilaporkan untuk disekat.

Bahagian Penguatkuasa Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan lain dari lebih seratus buah negara di dunia telah mengambil bahagian dalam satu operasi antarabangsa yang melibatkan penjualan ubat-ubatan di dalam talian yang dinamakan Operasi Pangea. Operasi ini memberi tumpuan kepada laman sesawang dan media sosial yang menawarkan ubat-ubatan yang berbahaya dan ini adalah tindakan penguatkuasaan berasaskan internet yang terbesar seumpamanya diadakan di seluruh dunia.